

07/04/2004

Penarafan mata wang Malaysia diperkukuh

Nur Lina Rasol

FITCH Ratings (Fitch), agensi penarafan antarabangsa memperkukuhkan tinjauan penarafan jangka panjang mata wang tempatan dan asing Malaysia daripada positif kepada stabil.

Pengukuhan penarafan itu dibuat berikutan berkurangnya risiko peralihan kuasa politik selepas kemenangan besar Umno dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum baru-baru ini.

Ketika ini, Malaysia mempunyai penarafan jangka panjang mata wang asing dan tempatan masing-masing pada `BBB+' dan `A' manakala penarafan mata wang asing jangka pendeknya ialah `F2'.

Fitch berkata, sokongan yang diterima BN dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam pilihan raya baru-baru ini mengukuhkan kedudukan beliau dalam Umno.

"Ia juga secara tidak langsung memadamkan sebarang kemungkinan wujudnya cabaran terhadap kepemimpinannya dalam pemilihan Umno yang dijangka diadakan tidak lama lagi," katanya.

Fitch mengumumkan pengukuhan tinjauan penarafan jangka panjang mata wang asing dan tempatan itu dalam kenyataannya yang dikeluarkan serentak di London dan Hong Kong, semalam.

Fitch berkata, kemenangan besar BN dan Umno itu mengukuhkan lagi peralihan kuasa kepada Abdullah selepas pengunduran Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

"Ia juga mengurangkan ketidakpastian dalam arena politik Malaysia yang sebelum ini dilihat sebagai antara faktor penting yang mempengaruhi taraf kredit kedaulatan Malaysia," katanya.

Secara khusus, katanya, kemenangan Umno dan kekalahan Pas memberi kedudukan lebih baik kepada Abdullah untuk melaksanakan dasar dan agendanya tanpa kebimbangan terhadap struktur kuasa.

Bagaimanapun, Fitch berkata, prestasi fiskal Malaysia terus mewujudkan sedikit kekangan terhadap kemampuan penarafan kedaulatannya.

Kerajaan mencatat defisit 5.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pada 2003, berkurang sedikit daripada 5.6 peratus yang dicatatkan pada 2002.

Bajet tahun lalu masih mengikut aliran pakej rangsangan fiskal beberapa tahun sebelum ini yang menyumbang kepada peningkatan hutang kerajaan kepada 48 peratus KDNK pada 2003 berbanding hanya 36 peratus pada akhir 1998.

Fitch berkata, pembatalan beberapa projek mega baru-baru ini memberi tinjauan lebih baik untuk dasar fiskal manakala pendapatan pula terus meningkat pada akhir 2003.

"Bagaimanapun, sehingga ini kami berpendapat adalah masih terlalu awal untuk Fitch membuat kesimpulan yang langkah itu dapat menjamin pengukuhan fiskal.

"Kami menunggu komitmen lebih kukuh untuk mengurangkan defisit bajet dan bukti lebih jelas bahawa dasar lebih ketat akan dilaksanakan sebelum menimbangkan kenaikan penarafan kedaulatan," katanya.

Fitch berkata, persekitaran mikro ekonomi yang semakin baik sejajar pertumbuhan KDNK yang dijangka meningkat kepada 6.3 peratus tahun ini daripada 5.3 peratus pada 2003 dijangka memudahkan orientasi semula dasar fiskal Malaysia .

Prestasi eksport pula meningkat ketara sejak 2003 dengan dibantu pasaran elektronik global yang kukuh dan kelemahan dolar Amerika yang ditambah

kepada ringgit berbanding euro dan yen.

Bagaimanapun, permintaan domestik yang lebih dinamik berikutan kadar faedah rendah dan kredit yang diperluaskan, berjaya membantu menggalakkan perbelanjaan dan memberi petanda pelaburan swasta yang tertangguh akan mula meningkat.

Rizab antarabangsa yang mencapai AS\$51 bilion pula membantu mengukuhkan julat kecairan luaran Malaysia kepada unjuran 315 peratus, hampir dua kali ganda purata penarafan `BBB`.

Fitch berkata, semua faktor itu memberi kredibiliti tambahan kepada dasar tambatan ringgit yang dilihat kukuh dalam jangka pendek walaupun ia kekal sebagai sumber kerapuhan dalam tempoh sederhana dan panjang.

Fitch menjangka Malaysia akan menjadi negara kreditor luaran bersih pada 2003 dan meramalkan aset luaran bersihnya akan meningkat kepada 10 peratus daripada KDNK akhir tahun ini berbanding 0.5 peratus tahun lalu, yang membantu mengukuhkan lagi tinjauan positif.